

Tak perlu pinda akta, hanya pinda peraturan pilihan raya, kata wakil PSC Pakatan Malaysian Insider
12 Julai, 2012
Oleh Mohd Farhan Darwis

KUALA LUMPUR, 12 Julai — Ahli Jawatankuasa Khas Pilihan Parlimen (PSC) berkenaan penambahbaikan pilihan raya Pakatan Rakyat hari ini menegaskan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak perlu meminda Akta Pilihan Raya bagi membolehkan rakyat Malaysia di luar negara untuk mengundi secara pos.

Anthony Loke, wakil daripada DAP sebaliknya menegaskan, SPR hanya perlu meminda Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, dan Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 dengan menambahkan kategori dalam peraturan sedia ada untuk membolehkan rakyat Malaysia di luar negara untuk mengundi ketika pilihan raya.

"SPR sudah mempunyai kuasa. Mereka tidak perlu meminda Akta Pilihan Raya, sebaliknya mereka perlu meminda peraturan-peraturan untuk pendaftar pemilih dan pengundian pos.

"SPR hanya perlu memasukkan kategori ke dalam peraturan tersebut untuk membolehkan mereka mengundi," katanya ketika sidang media di Ibu Pejabat DAP hari ini.

Jelas ahli Parlimen Rasah ini lagi, masa yang diambil untuk meminda akta berkenaan adalah terlalu lama dan hanya boleh dilaksanakan ketika sidang Parlimen akan datang pada September depan.

"Setiap pindaan akan ambil masa sekurang-kurangnya 6 bulan. Persidangan Parlimen akan datang pula memberikan tumpuan terhadap Belanjawan, kita hanya ada empat hari untuk meminda akta, mungkin tidak sempat.

"SPR boleh melakukannya dengan hanya meminda peraturan, seperti mana yang dilakukan untuk dakwat kekal," tambah Loke lagi.

Loke turut menegaskan, SPR hanya perlu memberikan tafsiran terhadap pengundi pos dan ia sudah memadai.

"SPR membazir masa jika mahu meminda akta. Peruntukan sudah ada, SPR hanya perlu memberikan tafsiran jelas terhadap pengundi pos dan mekanismenya sahaja."

Semalam, Pengerusi SPR, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata, pihaknya sedang mengkaji keperluan untuk meminda undang-undang pilihan raya bagi membolehkan semua rakyat Malaysia mengundi secara pos dalam sesi Dewan Rakyat, September ini.

Namun begitu, beliau turut meletakkan syarat, rakyat Malaysia yang mahu menikmati kemudahan ini mesti berada dalam negara sekurang-kurangnya sekali dalam masa lima tahun beserta bukti dalam tempoh itu sebelum Dewan Rakyat dibubarkan.

Mengulas berkenaan perkara itu, wakil jawatankuasa PSC dari PAS, Dr Hatta Ramli menegaskan, SPR seharusnya tidak meletakkan sebarang syarat dalam perkara itu.

"SPR menjelaskan jika mereka (pengundi luar negara) tidak pulang ke Malaysia dalam masa lima tahun, mereka ini tidak akan mengetahui segala maklumat politik dalam negara ini.

"Sekarang kita sudah dikuasai oleh media sosial, dan saya tidak merasakan ia akan menjadi masalah. Maklumat mereka kadangkala melebihi maklumat rakyat Malaysia di negara ini," katanya yang juga merupakan ahli Parlimen Kuala Krai.

Bagaimanapun, kedua-dua pemimpin ini juga turut mengalu-alukan keputusan SPR untuk membenarkan pengundi di luar negara untuk mengundi secara pos.

"Kami sokong tindakan SPR itu, namun kami merasakan mereka tidak perlu untuk meletakkan sebarang syarat.

"Apa yang lebih penting adalah bagaimana ia akan dijalankan dan menetapkan mekanisme yang berkesan jika SPR bercadang untuk membenarkan rakyat Malaysia di luar negara mengundi secara pos," kata Ketua Pengarah Pilihan Raya PAS itu.

Malah, Hatta juga turut menjelaskan, PAS amat mengambil berat perkara itu kerana khawatir undi mereka di luar negara akan dimanipulasi seperti yang berlaku kepada undi pos tentera dalam negara.

"Pakatan Rakyat memang pernah mencadangkan urusan undi pos di luar negara dipermudahkan bagi membolehkan rakyat Malaysia menunaikan tanggungjawab mereka.

“Kalau nak jalankan undi pos di luar negara, prosedur mesti telus ... dulu kita bantah undi pos kerana tak telus dan dimanipulasi dan memang ada pendedahan dibuat,” tambahnya lagi.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tak-perlu-pinda-akta-hanya-pinda-peraturan-pilihan-roya-kata-wakil-psc-pakatan/>